

CNS7626

U GB 13-08 00177 BH909

BAH

Mahathir - Sopan

PETALING JAYA, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggariskan satu lagi sifat yang perlu dimiliki oleh masyarakat yang mahu menjadi sebuah bangsa maju -- bersopan santun dan bertimbang rasa.

Perdana Menteri berkata, negara yang mempunyai penduduk yang selalu bersopan santun akan membuat kehidupan diri sendiri lebih tenang dan lebih selesa.

+Sebagai bonus, kita semua akan mendapat pendapatan yang kian meningkat jika kita semua, sama ada di pihak swasta atau awam, memberi layanan yang baik dalam menjalankan tugas.+ katanya semasa melancarkan sistem kad pengenalan keselamatan bermutu tinggi (KPT) di ibu pejabat Jabatan Perpaduan Negara di sini.

Beliau berkata: +Sebaliknya pembangunan negara dan pendapatan kita juga akan terjejas jika kita menjadi satu bangsa yang perongos, yang tidak tahu senvum, dan tidak tahu berbahasa+.

Tidak ada salahnya jika kakitangan kerajaan berlemah lembut semasa bertugas dan senvum selalu, walaupun kadang kala terdapat pelanggan yang kasar, katanya.

Dengan itu rakyat Malaysia perlu bertimbang rasa dan menghormati perasaan orang lain, katanya. -- Lagi.

♥13/08/15-35MST

CNS7628

U GB 13-08 00160 BH910

BAH

Mahathir - Sopan 2 Petaling Jaya

+Kita hendaklah menganggap sesiapa sahaja yang menjadi pelanggan kita sebagai orang yang baik budi pekerti, dan kita melayan mereka dengan baik,+ tambahanya.

Beliau berkata, setiap pegawai dan kakitangan kerajaan harus beringat-ingat bahawa mereka juga akan menjadi pelanggan pada waktu lain.

+Sepertimana mereka tidak ingin dilayan dengan kasar apabila mereka sendiri menjadi pelanggan, janganlah mereka berkasar semasa giliran mereka melayan pelanggan.+ kata beliau.

Perdana Menteri berkata, apabila orang ramai berinteraksi dengan kakitangan kerajaan, banyak perkara dan masalah akan timbul dan kedua-duanya saling menyalahi antara satu sama yang lain.

+Sebenarnya dalam kebanyakan kes-kes salah faham seperti ini, kedua-dua pihak bersalah. Jika kakitangan kerajaan bersalah sekalipun, bukan semua kes mereka bersalah. Demikian juga jika orang ramai bersalah, bukan dalam semua kes mereka bersalah,+ katanya.

Beliau seterusnya menggesa semua kakitangan kerajaan supaya memberi khidmat yang cemerlang, disertai dengan senyuman dan kesopanan semasa menjalankan tugas. -- Bernama.

♥13/08/15-36MST